

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HJ MOHD ALI
Tajuk : PERASMIAN HOSPITAL SELAYANG
Lokasi : HOSPITAL SELAYANG, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 05-09-2001

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis yang bersejarah ini.

2. Saya rasa bersyukur kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini dan semoga Majlis Perasmian Hospital Selayang pada petang ini mendapat rahmat dan diberkati Allah S.W.T. Saya yakin dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang begitu ramai pada petang ini akan memeriahkan lagi Majlis ini.

3. Saya merasa bangga kerana kejayaan dan pencapaian dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat di negara ini adalah merupakan yang terbaik antara negara-negara di rantau ini. Dengan wujudnya pelbagai program dan aktiviti kesihatan yang terancang dan tersusun seperti program pendidikan dan promosi kesihatan, pencegahan dan pengawalan penyakit, rawatan pesakit yang komprehensif dan sebagainya maka tidak hairanlah pencapaian negara kita dikagumi oleh negara-negara lain termasuk negara-negara maju.

4. Pencapaian program kesihatan di negara ini dapat dibuktikan dengan peningkatan petunjuk-petunjuk taraf kesihatan dari setahun ke setahun. Ini dapat dilihat dengan kenaikan petunjuk-petunjuk taraf kesihatan di mana kadar jangka hayat pada tahun 1999 adalah 69.9 untuk lelaki dan 74.9 untuk wanita berbanding dengan 66.70 untuk lelaki dan 71.60 untuk wanita pada tahun 1980. Dari segi program pencegahan penyakit misalnya, liputan pelalian untuk imunisasi secara keseluruhan di negara ini adalah antara yang terbaik di dunia, di mana untuk BCG adalah 99.7%, untuk polio 93.4% dan untuk DPT adalah 94.1%.

5. Kejayaan Kementerian Kesihatan dalam menubuhkan institusi yang begitu canggih dan setanding dengan hospital-hospital di negara maju seperti Hospital Selayang ini adalah juga menjadi titik tolak untuk kita lebih maju dan berdaya saing dalam era globalisasi ini. Satu lagi hospital yang baru siap ialah Hospital Putrajaya, yang merupakan juga telah beroperasi secara elektronik seperti Hospital Selayang. Ini diikuti oleh 7 buah hospital lagi yang pada masa ini dalam peringkat pembinaan.

6. Saya difahamkan sejak Hospital Selayang dibuka dua tahun yang lalu, bilangan pesakit yang datang adalah sangat membanggakan bukan sahaja dari sekitar Wilayah Persekutuan bahkan juga dari seluruh negara. Dalam usia yang masih muda ini juga banyak kejayaan telah dicapai di Hospital Selayang. Di samping itu, Hospital Selayang telah menempa sejarah dengan kejayaannya melakukan pembedahan pemindahan lengan bayi pertama di dunia pada bulan Mei tahun lepas.

7. Dari segi perkhidmatan kepakaran hospital ini juga boleh berbangga dengan pakar-pakar yang berpengalaman dan berkebolehan dalam bidang yang khusus serta disokong dengan teknologi yang canggih. Dengan adanya berbagai bidang kepakaran yang khusus di Hospital Selayang ini, peluang pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan yang diperlukan akan menjadi lebih luas dan mudah.

8. Dengan terlaksananya sistem I.T. yang menyeluruh di Hospital Selayang, ini menunjukkan bahawa kita mampu membuat pembaharuan untuk menghadapi cabaran masa kini dan akan datang. Dalam mengharungi era teknologi ini, segala keputusan yang dibuat bergantung kepada 'information and knowledge intensity'. Oleh itu kita tidak boleh lari dari menggunakan I.T. dalam kehidupan seharian. Seperti yang kita maklum amalan pengumpulan dan memproses data serta maklumat pesakit di masa kini adalah jauh berbeza dengan apa yang dilakukan 20 tahun dahulu. Otomasi dan pengumpulan serta pemrosesan data tanpa kertas adalah budaya kerja masa kini dan akan datang di samping untuk mencapai matlamat penyediaan rawatan tanpa sempadan (continuous and seamless care).

9. Dalam hal ini inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membina hospital dan klinik-klinik yang berlandaskan persekitaran elektronik adalah satu usaha yang sejajar dengan matlamat Kerajaan

untuk mencapai Wawasan 2020. Ini menunjukkan sekiranya kita rajin berusaha dan berkeyakinan dalam apa juga bidang yang kita terokai, Insya-Allah kita akan dapat mencapainya.

10. Saya harap dengan adanya kemudahan-kemudahan dan peralatan yang begitu canggih seperti yang ada di Hospital Selayang ini, ianya akan dapat memberi manfaat kepada pesakit-pesakit yang dirawat. Kecanggihannya tidak akan memberi sebarang makna sekiranya pesakit tidak dapat menikmati faedah daripadanya. Saya juga ingin meminta kerjasama daripada para doktor, jururawat dan semua warga kesihatan di Hospital ini. Walau apa cara sekalipun, penerapan nilai-nilai murni seperti sentuhan mesra, sikap prihatin, bersabar, berbudi bahasa adalah merupakan ciri-ciri yang amat penting dalam melayan pesakit.

11. Saya difahamkan pada hari ini beberapa orang pesakit pioneer yang telah menerima rawatan di peringkat awal pembukaan Hospital Selayang telah dijemput sama dalam majlis yang meriah ini. Saya mengucapkan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang merupakan pesakit-pesakit yang telah memberi kepercayaan dan yakin dengan kemampuan perkhidmatan di hospital ini. Saya gembira dalam masa dua tahun hospital ini beroperasi, kedatangan pesakit terus meningkat dan pada amnya mereka berpuas hati dengan layanan yang diberikan.

12. Disamping itu, saya difahamkan juga bahawa ramai pelawat dan delegasi dari luar negara datang ke Hospital Selayang untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman dengan hospital ini. Ini membuktikan bahawa negara luar termasuk negara maju telah mengiktiraf pencapaian dan kejayaan kita.

13. Sebelum datang ke Hospital Selayang, saya mendapat maklumat bahawa bilangan pesakit luar di Hospital Kuala Lumpur adalah terlalu ramai, iaitu lebih-kurang 965,000 orang pada tahun 1999 dan 927,000 pada tahun 2000, dengan purata harian seramai 2,500 orang. Kesesakan berlaku di Jabatan Pesakit Luar Hospital Kuala Lumpur. Oleh itu, saya merayu kepada para pesakit di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya datang ke Hospital Selayang, untuk mengelakkan kesesakan di Hospital Kuala Lumpur. Saya percaya para doktor, jururawat dan lain-lain anggota di Hospital ini dapat memberikan rawatan yang sempurna sama seperti di Hospital Kuala Lumpur.

14. Berdasarkan maklumat yang saya terima daripada pihak Kementerian Kesihatan, saya cukup berbangga atas prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh warga Kementerian Kesihatan di Hospital ini, dan lain-lain hospital, yang mempunyai wawasan serta inspirasi untuk sentiasa memajukan perkhidmatan kesihatan di negara ini dalam segala bidang. Kepada seluruh anggota Kementerian Kesihatan, saya mengucapkan syabas di atas usaha-usaha yang cecak serta semangat untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit.

15. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada warga Kementerian Kesihatan dan semua anggota Hospital Selayang, para doktor, jururawat, pentadbir, atendan, pemandu dan lain-lain khasnya semua pekerja yang gigih dan komited untuk membangunkan Hospital Selayang sebagai hospital yang termoden di negara ini. Semua pihak, daripada Pengarah, Pegawai Perubatan hingga ke Pembantu Am telah bersama-sama bertungkus-lumus memulakan perkhidmatan dan sehingga kini telah mencapai kejayaan yang amat membanggakan. Dengan semangat berpasukan serta penuh dedikasi dan yakin di atas kebolehan diri, anda telah menempatkan Hospital Selayang di persada dunia.

16. Saya memberikan penghargaan kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam membangunkan hospital ini terutamanya Jabatan Kerja Raya Malaysia, Perbendaharaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain. Tidak lupa juga ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Redicare (M) Sdn. Bhd. kontraktor yang telah menyiapkan Hospital Selayang dengan jayanya dan masih terus memberi perkhidmatan sokongan sehingga kini.

17. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberikan penghormatan untuk membuka rasmi Hospital Selayang pada hari di Majlis yang meriah pada petang ini. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya merasmikan Hospital Selayang.